

# 'Perlu pertingkat sistem pertahanan'

**KUALA LUMPUR** - Wujud keperluan untuk menaik taraf sistem pertahanan negara bagi memperkukuh kawalan keselamatannya pada masa depan susulan tragedi pesawat Malaysia Airlines MH370, kata Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Katanya, langkah itu perlu selepas ada keperluan mendedahkan maklumat sulit radar ketenteraan dalam pencarian pesawat yang hilang pada 8 Mac lalu.

"Kita membuat keputusan ber-rani dengan mengetepikan kepentingan dan keselamatan negara apabila mendedahkan sebahagian maklumat sulit radar ketenteraan pada peringkat awal misi mencari dan menyelamat.

"Situasi sekarang menuntut kita melihat semula keperluan kita pada masa depan dan lebih penting kita juga melihat dalam konteks rantau Asean sebagai satu kumpulan," katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Global Komited Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Weststar Group of Companies and Thales UK di sini, semalam.

MoU yang bertujuan mempromosi, memasarkan dan mengedarkan pelbagai jenis sistem pertahanan udara berpangkalan di bumi kepada Angkatan Tentera Malaysia itu dimeterai di Persidangan dan Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2014.

Menjawab satu soalan, Hishammuddin berkata, teknologi pengawasan ialah antara bidang yang diteliti berikutan tragedi MH370.

Katanya, negara anggota Asean tidak berupaya menangani ancaman pada masa depan secara

bersendirian.

"Kita perlukan kreativiti dalam pendekatan kita, bekerja lebih rapat ke arah mencegah ancaman yang mungkin menjajaskan kawalan keselamatan rantau kita," katanya.

Beliau menegaskan matlamat akhir industri pertahanan bukan sekadar cari keuntungan tetapi juga menjadikan dunia ini lebih aman.

Mengenai DSA 2014, beliau berkata, program diadakan kena pada masanya memandangkan semua perkakasan berkaitan dihimpun di bawah satu bumbung.

Terdahulu, Hishammuddin meninjau gerai pameran yang disifatkan sebagai pameran pertahanan terbesar Asia. Pameran berlangsung bermula hari ini hingga 17 April di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). - Bernama